

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 MAC 2016 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Strategi baharu diperkenal tingkatkan minat pelajar sains, teknologi hanya 20%	Utusan Malaysia
2	Budayakan STEM	Harian Metro
3	Guru gagal pengaruh pelajar	Utusan Sarawak
4	Guru gagal 'pengaruhi' pelajar	Utusan Sarawak
5	MOSTI rancang mekanisme khusus bangun modal insan	Utusan Borneo
6	MOSTI deka penapat nentuka Malaysia tejapaika nisbah 60:40 ba sains:sastera	Utusan Borneo
7	Karnival Creativity & Science4U	Sin Chew Daily
8	MOSTI to respond to talented individuals	The Borneo
9	Career talk on STEM at Kuching civic centre	The Borneo
10	Hanya 20 peratus pelajar layak ikuti pendidikan STEM - Madius	Bernama.com
11	Penganjuran karnival galak pelajar meminati bidang STI	Utusan Borneo
12	Large crowd at Creativity and Science4U carnival	The Borneo Post
13	Mensia mayuh diperansang ngulu Karnival Creativity & Science4U 2016	Utusan Borneo
14	Karnival Creativity & Science4U	International Times
15	ISO anti-rasuah dijangka dilancar penghujung tahun ini	Bernama.com
16	Petanda gempa lebih kuat	Berita Harian
17	Wan Junaidi : We can't stop coral reefs from dying	The Star
18	Gempa bumi sederhana landa barat daya Sumatera	Bernama.com
19	Gempa bumi lemah landa Lahad Datu pagi ini	Bernama.com
20	Gempa bumi landa laut Bismarck, Papua New Guinea	Bernama.com
21	Gempa bumi: penduduk Lahad Datu dinasihati berjaga-jaga	Bernama.com



MADIUS TANGAU (dua dari kanan) diberi penerangan ketika melawat sebuah gerai pameran sempena *Karnival Creativity & Science4u 2016* di Dewan Suarrah Kuching, Sarawak, semalam. - UTUSAN/MOHAMAD GUSTIE NOORAMBIA

Strategi baharu diperkenal tingkatkan minat

Pelajar sains, teknologi hanya 20%

Oleh MD AZRIN ROSLY
pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 4 MAC

NISBAH pelajar dalam aliran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik di negara ketika ini hanya sebanyak 20 peratus.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau berkata, kementeriannya bersama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan telah diarah bagi mengatur program serta strategi baharu bagi meningkatkan peratusan berkenaan.

Katanya, langkah itu perlu diambil bagi memastikan hasrat negara meningkatkan nisbah sains:sastera kepada 60:40 menjelang 2020 dapat tercapai.

"Antara sebabnya adalah kerana sesetengah guru tidak begitu ber-

motivasi semasa mengajar, sekali gus menyebabkan pelajar tidak berminat dengan apa yang diajar.

"Selain itu, ketiadaan makmal atau makmal yang tidak lengkap. Ini menyebabkan pelajar tidak meminati subjek sains. Sepatutnya makmal perlu dilengkapi untuk mengembalikan keseronokan pelajar mempelajari sains," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Program Karnival Kreativiti & Science4u 2016 Zon Sarawak di Dewan Suarrah Kuching hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dari segi jantina pula, ketika ini peratusan wanita lebih tinggi iaitu sebanyak 80 peratus berbanding lelaki sekadar 20 peratus.

Beliau memberitahu, punca berkenaan diperoleh daripada hasil kajian oleh Akademi Sains Malaysia dalam *Science Outlook* yang dikeluarkan pertama kali tahun ini.

"Baru-baru ini juga dalam mesyuarat Majlis Sains Negara, langkah-langkah akan di-

ambil untuk meminda Akta Jabatan Perangkaan supaya diwajibkan data-data berkenaan sains dan teknologi dihantar kepada jabatan berkenaan agar *Science Outlook* dapat dikeluarkan setiap tahun," jelasnya.

Dalam pada itu, Madius memberitahu, kementeriannya juga sedang memperkenalkan satu pengajaran dan pembelajaran Sains baharu yang dipanggil *inquiry base science education* dari Perancis.

Katanya, apa yang menarik ialah guru-guru bukan opsyen sains boleh mengajar kerana dia hanya sebagai fasilitator dalam proses pengajaran yang bermula daripada taman didikan kanak-kanak (tadika), sekolah rendah dan menengah.

"Kita dapati dalam projek rintis yang dilaksanakan di empat sekolah pencapaian terendah di Lembah Klang, hasilnya dapat mengatasi sekolah prestasi tinggi kerana pelajar begitu seronok dengan sains.

"Saya sendiri meluangkan masa dalam kelas berkenaan selama sejam dan nampak pelajar begitu seronok dengan sains," ujarnya.

Budayakan STEM

■ Usaha perlu ditingkatkan bagi mencapai sasaran 60 peratus pelajar menjelang 2020

Oleh Rabi 'Atul 'Adawiyah
Ismail
rabiatul@hmetro.com.my
Kuching

FOTO: CHE RANI CHE DIN


Kurangnya dorongan daripada guru selain persepsi subjek Sains membosankan antara punca kesukaran mencapai sasaran peningkatan pelajar mengikuti pengajian Sains, Teknologi Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau berkata, faktor itu dikenal pasti hasil kajian yang dilaksanakan pihaknya, baru-baru ini.

Justeru, beliau berkata, usaha perlu dilipat gandakan bagi mencapai sasaran 60 peratus pelajar mengambil pengajian STEM menjelang tahun 2020.

"Kita hanya ada empat tahun lagi untuk mencapai sasaran itu, namun ia kelihatan sukar kerana kini kita hanya mampu mencapai 20 peratus saja yang layak mengikuti STEM.

"Bagaimanapun, daripada 20 peratus itu, tidak semua yang mengambil STEM kerana ada yang bertukar ke



MADIUS berbual dengan pelajar pada Majlis Perasmian Karnival Creativity & Science4U 2016.

aliran Sastera apabila memasuki tingkatan empat," katanya selepas perasmian Creativity And Science4U 2016 di Dewan Suarah, di sini, semalam.

Madius berkata, jumlah tertinggi pelajar yang mengikuti pengajian STEM pernah dicatatkan mencapai 40 peratus pada tahun 2000.

"Bagaimanapun selepas

itu penurunan terus berlaku dan selepas ujian Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) tahun lalu, jumlah yang layak mengikuti STEM hanya tinggal 20 peratus.

"Sebab itu kita perlu mencari kaedah terbaik termasuk menggalakkan guru supaya membudayakan STEM dengan menarik minat pelajar untuk mempelajari

Sains, Teknologi dan Inovasi," katanya.

Beliau berkata, negara kini mengalami kerugian kerana tidak mampu mengembangkan kreativiti sains seperti negara lain yang kini semakin jauh ke hadapan dalam bidang ekonomi hasil penguasaan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN SARAWAK (TEMPATAN) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 5 MAC 2016 (SABTU)

GURU GAGAL PENGARUHI PELAJAR

KUCHING BERITA DI MUKA 4

Kegagalan segelintir guru 'mempengaruhi' pelajar, dikenal pasti punca pelajar negara ini tidak berminat mengikuti jurusan Sains dan Matematik.



Pelbagai langkah perlu diambil untuk mengatasi masalah ini kerana kerajaan menyasarkan 60 peratus pelajar mengambil jurusan Sains dan Matematik menjelang 2020.

SAMBUNGAN...
UTUSAN SARAWAK (TEMPATAN) : MUKA SURAT 4
TARIKH : 5 MAC 2016 (SABTU)

Faktor pelajar kurang meminati subjek Sains dan Matematik

Guru gagal 'pengaruhi' pelajar

CHRISTINA LIAN

KUCHING: Kegagalan segelintir guru subjek Sains dan Matematik 'mempengaruhi' pelajar, dikenali pasti punca pelajar di negara ini tidak berminat mengikuti jurusan berkenaan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata, terdapat pelajar yang sangat berminat dan mempunyai bakat dalam bidang berkenaan, namun mereka tidak dikenal pasti oleh guru.

"Pelbagai langkah perlu diambil untuk mengatasi masalah ini kerana kerajaan menyasarkan 60 peratus pelajar mengambil jurusan sains dan matematik ini menjelang 2020. Bagaimanapun kini, kita mendapati hanya 20 peratus pelajar kita yang layak mengikuti jurusan berkenaan di sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Perasmian Program Karnival Krea-

tiviti dan Science4U Zon Sarawak di Dewan Suarrah Kuching di sini, semalam.

Kata Madius, segelintir guru kurang memberi motivasi kepada pelajar juga disifatkan antara faktor menyebabkan pelajar kurang meminati subjek berkenaan.

"Akademi Sains Malaysia telah membuat kajian dan hasilnya, Science Outlook telah dicetak yang memuatkan pelbagai maklumat dan cabaran dalam bidang berkaitan sains ini, antaranya guru-guru," ujarnya.

Menurutnya, MOSTI merancang untuk mengeluarkan Science Outlook setiap tahun, namun disebabkan masalah mendapatkan semua data berkaitan, buku berkenaan hanya dapat dikeluarkan dua tahun sekali.

Oleh itu, katanya, dalam mesyuarat Majlis Sains Negara, langkah-langkah akan diambil untuk meminda akta Jabatan Perangkaan supaya mewajibkan jabatan menghantar maklumat

berkenaan sains dan teknologi kepada kementerian bagi membolehkan Science Outlook diterbitkan setiap tahun.

"Dengan adanya Science Outlook ini nanti, kerajaan dapat memantau di mana kedudukan negara dalam bidang sains dan teknologi seterusnya ia akan menjadi asas untuk bertindak," ujarnya.

Beliau menambah, Akademi Sains Malaysia menerusi MOSTI telah berbincang dan merangka strategi bersama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan mencari jalan untuk mencapai sasaran 60 peratus berkenaan.

"Kita mengenal pasti antara punca masalah ini adalah daripada guru-guru dan sebab lain mungkin penggunaan makmal di sekolah kurang diberi penekanan. Bagaimana pelajar dapat menghayati atau seronok belajar, jika tidak memegang peralatan ini di makmal?" ujarnya.

Kata Madius, MOSTI mem-

perkenalkan mata pelajaran baharu iaitu Inquiry Based Science Education (IBSE) dengan empat sekolah perintis di Lembah Klang untuk mengajar subjek berkenaan.

Menurutnya, dalam IBSE guru yang bukan opsyen sains juga boleh mengajar subjek berkenaan.

"Untuk subjek ini, guru akan bertindak sebagai fasilitator dalam proses pembelajaran anak-anak bermula dari peringkat tadika sehingga sekolah menengah.

"Kita mendapati empat sekolah tersebut telah mengatasi sekolah-sekolah berprestasi tinggi. Ini disebabkan, pelajarnya begitu seronok belajar sains dan matematik," katanya.

Madius menambah, Kementerian Pendidikan berminat untuk mengetahui lanjut mengenai IBSE. Justeru, MOSTI akan membentangkan perkara tersebut kepada Majlis Sains Negara untuk tindakan selanjutnya.



CIPTA DAN KREATIF... Madius Tangau melihat peralatan Agensi Nuklear Malaysia di Karnival Creativity and Science4U 2016. Foto NORDIN MD DIAH

MOSTI rancang mekanisme khusus bangun modal insan

Rakyat harus maju dan capai taraf berpendapatan tinggi

Oleh Siti Aisyah Ramli

KUCHING: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) merencana satu mekanisme khusus sebagai tindak balas positif untuk membangunkan modalinsan di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata, justeru rakyat Malaysia harus bergerak maju ke hadapan dengan elemen Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam usaha mencapai taraf negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Katanya, pelbagai langkah awal harus diambil bagi tujuan itu, antaranya mengenal pasti serta melatih anak muda mempunyai bakat terpendam serta kreativiti menjurus ke arah penciptaan produk boleh digunakan sesiapa sahaja.

"Sebagai contoh, baru-baru ini ada seorang pelajar Tingkatan 4 bernama Edison berasal dari Sarikei menghubungi saya.

"Dia menyatakan minat mencipta peralatan perubatan digunakan sebagai peranti pemeriksa tahap kandungan gula dalam badan, degupan jantung, tekanan darah dan sebagainya," katanya.

Jelasnya, pelajar itu antara contoh yang dicari MOSTI selama ini kerana kerajaan mahu lebih ramai pelajar dan anak muda di luar sana tampil dengan bakat masing-masing.

"Untuk tujuan itu, MOSTI akan menyediakan mekanisme khas bagi membantu golongan berbakat ini menentengahkan idea dan produk dihasilkan oleh mereka," katanya.

Tambahnya, kerajaan tidak mahu kehilangan seorang lagi bakat muda yang berjaya seperti pencipta pemacu keras berasal dari Malaysia, tetapi terpaksa membawa produk ciptaannya ke Taiwan atas faktor negara tidak mampu memberikan sokongan kerana tidak memahami STI.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian Karnival 'Creativity & Science4U' Zon Sarawak, di Dewan Suarrah, di sini, semalam.

Dalam perkembangan



SIMBOLIK: Madius (tengah) menyempurnakan simbolik perasmian Karnival 'Creativity & Science4U' Zon Sarawak, di Kuching, semalam.

“Untuk tujuan itu, MOSTI akan menyediakan mekanisme khas bagi membantu golongan berbakat ini menentengahkan idea dan produk dihasilkan oleh mereka.”

Datuk Seri Panglima Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

sama, ujaranya, kerajaan pada masa ini menerusi sistem pendidikan telah memperkental Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (HOTS) sejajar dengan usaha bagi melahirkan pelajar yang mampu berfikir dengan kreatif dan kritis.

"Kita mahu menghapuskan budaya menghafal untuk peperiksaan semata-mata kerana sekarang kita mahu budaya itu ditukar dengan budaya HOTS yang menuntut rakyat berfikir dengan kreatif dan berinovasi.

"Justeru, dalam hal ini amat penting untuk golongan ibu bapa dan para guru di sekolah khususnya, mengenal pasti pelajar berkemampuan serta berbakat tinggi dalam aspek kreativiti dan inovasi," jelasnya.

Sementara itu pada sidang media berlangsung selepas upacara perasmian karnival itu, Madius memberitahu, pada masa kini sebanyak 20 peratus pelajar sekolah menengah mengambil jurusan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) sedangkan sasaran negara adalah sebanyak 60 peratus menjelang 2020.

Katanya, antara faktor menyebabkan peratusan itu dilihat semakin rendah ialah sikap segelintir guru di sekolah yang tidak memberi motivasi tinggi kepada pelajar untuk lebih berdaya saing dalam bidang STEM.

"Saya mohon maaf kepada guru, tetapi tidak dinafikan penurunan peratusan diakibatkan sikap sesetengah guru

tidak bermotivasi.

"Semua tahu kita mempunyai minat terhadap sesuatu mata pelajaran kerana kita suka pengajaran diberikan guru.

"Selain itu, perkara perlu diberi perhatian ialah di peringkat sekolah menengah, makmal sudah tiada," katanya.

Madius menjelaskan, bagaimana pelajar dapat menghayati, meminati dan berasa seronok dengan Sains dan peralatan makmal dan kerana itu perlu diperkenalkan kembali," tegasnya.

Mengenai karnival itu, ia merupakan penganjuran sulung bagi 2016 dan selepas Zon Sarawak, MOSTI akan meneruskan siri penjelajahan Karnival 'Creativity & Science4U' di beberapa buah negeri lain termasuk Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur, Putrajaya, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah.

Hadir sama ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Amar Mohd Morshidi Abdul Ghani, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Datu Ose Murang dan Menteri Muda Pembangunan Estet Perindustrian Datuk Peter Nansian Ngusie.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN BORNEO (BERITA IBAN) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 5 MAC 2016 (SABTU)



NERANG: Madius (duduk tengah) benung ngemansutka penerang maya aum pengarang berita kemari.

MOSTI deka penapat nentuka Malaysia tejapaika nisbah 60:40 ba sains: sastera

KUCHING: Opis Menteri Sains, Teknologi enggau Inovasi (MOSTI) deka penapat ngadu pengawa ke tau nentu juluk Malaysia tejapaika nisbah 60:40 ba bidang sains: sastera manggai taun 2020.

Menteri MOSTI, Datuk Seri Panglima Madius Tangau ngakun mayuh pengawa patut diadu dalam timpuh empat taun sebedau 2020 ketegai peratus nemiak sekula ke ngambi bengkah sains maya ke diatu semina manggai 20 peratus.

“Dua puluh peratus nemiak ke ngambi bidang sains nya ngarika nemiak ke dipilih (manah ba pemutus peresa) lalu ukai nemiak ke bisi pengerindu belajar sains.

“Berindik enggau nya, MOSTI begulai enggau Opis Menteri Pelajar Tinggi sereta Opis Menteri Pelajar deka ngadu program ke tau matak mayuh agi nemiak rinduka bengkah sains.

“Akedemi Sains Malaysia (ASM) deka nusun strateji ke

tau dikena nambah peratus tu,’ku iya.

Madius mansutka jaku tu ba seiti aum pengarang berita pengudah bejadika Karnival Creativity & Science4U 2016 di Dewan Suarah Kuching ditu, kemari.

Kelimpah ari ngeransingka program sains, iya mega madah pekara ke bekaul enggau bala pengajar sains mega deka diperunding ketegai pekara nya antara sekeda kebuah peratus nurun ngagai 20.

“MOSTI meganguna chara ‘Enquiry Based Science Education’ (IBSE) ba tadika, sekula primari enggau sekondari ke alai nengah chara tu pengajar ke ukai ngajar matapelajar sains dikemendar ngajar sains.

“Program tu udah diadu ba empat sekula di Lembah Kelang lalu udah mandangka pemutus ke manah, iya nya mujur ngalahka sekula ke ngembuan pemutus peresa ke manah dulu agi ari tu,”ku iya.

Kitai kala nyapai 40 peratus

suba tang diatu udah nurun ngagai 20 peratus, tandu iya.

Dulu agi ari nya, ba jaku bejadi karnival, iya madah penau ba bengkah pekara sains chukup beguna ketegai tau nyaup ngangkatka menua nyapai ikas menua mansang.

Ku iya, ba serata dunya nadai seiti menua ti udah nyapai ikas menua mansang bepemisi tinggi ngelaungka penau ba pekara sains enggau inovasi.

“Ambika chunto menua Korea dulu suba seranta agi ari kitai, pia mega menua Taiwan, Singapore enggau Jipun.

“Semua menua tu nyapai penegap ba pekara ekonomi nengah pemujur ba pekara sains, teknologi enggau inovasi,’ku iya.

Bela datai Sekretari Perintah Negeri Datuk Amar Tan Sri Mohd Morshidi Abdul Ghani, Menteri Muda Pemansang Industri Datuk Peter Nansian Ngusie enggau ke bukai.

部長：教學法出問題 馬理科生人數太少

(古晋4日讯) 科学、工艺及革新部长拿督斯里马迪乌斯登敖表示，政府放眼在2020年理科生可达60%，但遗憾的是，目前符合资格的人数仅达20%，而实际就读该科的人数少过20%。

■放眼2020年60%

现仅20%

马迪乌斯登敖透露，我国理科生人数曾经在2000年时一度达到40%，但是，过后下跌至20%。为此，该部与高教部及教育部受委制定一项新策略，以提高国内就读理科学生的人数。

马迪乌斯登敖今日为2016年创意及科学嘉年华主持开幕后，在举行的新闻发布会上，如是表示。

他说，造成理科生人数低的主因，源自於教师

在教学方面提不起学生兴趣。

“许多学生在孩童时期对科学深感兴趣，但教师的教学方法扼杀了他们对于科学的兴趣。”不仅如此，他也提到中学科学实验室没有加以善用，也是导致学生对科学失去兴趣的原因之一。

■引用法国教学法

此外，马迪乌斯登敖表示，科学、工艺及革新部也引用法国的教学及学习方法，即探究式科学教育以加强理科教学。

“这个方法有趣的地方在于，非科学本科的教师也可成为指导员。他不是授课，而是带领学生一同学习。这个方法可以从幼儿园开始，到小学或中学都适用”

他说，目前巴生谷4间学校已开始实践这项教

学方法。

“我们选择在这一方面表现较差的学校，经推行这项课程后，表现明显进步，且超越原本表现较好的学校。”

他也亲自到该学校体验这项教学方法，并表示生动的教学让在场学生，甚至是他本身都觉得有趣。

除此之外，马迪乌斯登敖表示，该部将本是每两年进行一次的科学调查，计划成每一年都进行。

他说，这将让该部门可以更有效掌握国家与科学相关的课题，如收集学生不喜欢科学的因素等数据，就调查结果采取有效的解决方案。虽然如此，目前该部门面对数据收集方面困难，以致无法每年做出科学调查。

有鉴于此，他说，科学、工艺及革新部透过内阁刚刚同意设立的国家科学理事会，强制性的要求相关单位将数据呈交给数据局，以便他们可以顺利收集数据。



↑科学、工艺及革新部部长马迪乌斯登敖对展出的科学发明深感兴趣。

KERATAN AKHBAR
THE BORNEO POST (HOME) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 5 MAC 2016 (SABTU)



Madius (centre) launches the state-level Creativity and Science4U Carnival 2016. From second left are Morshidi and Nansian. — Photos by Chimon Upor



Madius (second right) visits a booth after the launch. Morshidi is at centre and Nansian at right.

Mosti to respond to talented individuals

By Lim How Pim
 reporters@theborneopost.com

KUCHING: Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti) will come up with a mechanism to respond to talented individuals for enhanced human capital development in Malaysia.

Its Minister Datuk Seri Panglima Madius Tangau said Malaysia had to move forward with its science and technology industry to achieve high income economy status by Year 2020.

He said of late, Mosti had come across a talented secondary school student who invented a special medical device that read the pulse, among others.

"A Form 4 student from Sarikei by the name of Edison develops a special device and we want more people like him to come forward. At Mosti, we will have the necessary mechanism to respond to talented people positively.

"The inventor of the pen drive is a Malaysian, but he brought his invention to Taiwan just because we were not able to give him the necessary support as we could not understand science and technology," he said when launching the state-level Creativity and Science4U Carnival 2016 at Kuching Civic Centre here yesterday.

Madius pointed out that it was high time to cultivate Higher Order

A Form 4 student from Sarikei by the name of Edison develops a special device and we want more people like him to come forward. At Mosti, we will have the necessary mechanism to respond to talented people positively.

Datuk Seri Panglima Madius Tangau, Science, Technology and Innovation Minister

Thinking Skills (Hots) among young Malaysians, particularly those in secondary schools.

He said gone were the days when students memorised knowledge and information from textbooks, especially now that the government had implemented the National Science, Technology and Innovation Agenda.

"We need to have a new culture,

the Hots culture. We want creative-thinking people who are interested in science, technology and innovation."

At a press conference later, Madius said 20 per cent of secondary school students in Malaysia were in the science stream although the country's target was 60 per cent by year 2020.

"We still have four years to meet the objective," he said, adding that Mosti would collaborate with the Ministry of Education towards this end.

He was glad to note that almost 70 per cent of engineering students in local universities are female.

He said Yayasan Inovasi Malaysia, an agency under Mosti, would strive to produce the science outlook - like what Bank Negara Malaysia does for the country's economic outlook - on an annual basis to monitor the development.

"At the moment, the science outlook is done once in every two years. We hope this can be done every year."

Meanwhile, the carnival yesterday was the first leg of Mosti's series of programmes to be held throughout the country.

After Sarawak, a similar event will be brought to the southern zone (Negeri Sembilan, Johor and Malacca), northern zone (Perlis, Kedah, Penang and Perak), central zone (Kuala Lumpur Federal Territory and Putrajaya), and eastern zone (Kelantan, Terengganu and Pahang) before concluding in Sabah.

Among those present were State Secretary Datuk Amar Mohd Morshidi Abdul Ghani and Assistant Minister for Community Services Datuk Peter Nansian Ngusie.

KERATAN AKHBAR
THE BORNEO POST (HOME) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 5 MAC 2016 (SABTU)



Education officer Irfan Asyraf from National Nanotechnology directorate gives a briefing to Darian (centre) and Luis.



The space ball simulates the training provided to astronauts to prepare them for zero gravity.

Career talk on STEM at Kuching civic centre

KUCHING: A career talk on opportunities offered in the science, technology and innovation fields, that is taking place today is expected to draw an overwhelming response from school students.

The talk to be conducted by the **Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM)** will be held at the Kuching civic centre main hall from 2.30pm to 3.30pm in conjunction with the 'Creativity and Science4U 2016' carnival hosted by the **Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti)**.

TPM senior executive (corporate communication) Intan Suraini Rosdi said the career talk, themed 'A Career in Science and Technology' will be presented by TPM's corporate communication and stakeholder management senior manager Aniz Adura Abdul Majid.

"We hope more students are coming to

the talk. We want to highlight skills in Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) in line with the need of our country in these careers," she said. She was met at the TPM exhibition booth at the carnival yesterday.

STEM offers tremendous opportunities with a bright future for those wishing to pursue their careers in the related fields.

Intan said they were also displaying face cut-out stands for pictures, puzzles related to Science, technology and innovation careers, brain teasers and other activities aimed at creating and enhancing interest among Sarawakians on the subjects of Science and technology at the carnival.

The public especially children and students are encouraged to visit the carnival to broaden their knowledge on STEM.



Hanya 20 Peratus Pelajar Layak Ikuti Pendidikan STEM - Madius

KUCHING, 4 Mac (Bernama) -- Ia membimbangkan kerana hanya 20 peratus pelajar di negara ini yang layak mengikuti pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)), kata [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau.](#)

Beliau berkata walaupun mereka layak mengambil STEM, namun tidak bermakna mereka akan memilihnya.

"Pelajar kita masih tidak mahu mengambil jurusan sains kerana mereka merasa mata pelajaran tersebut adalah susah dan membosankan.

"Sasaran kita ialah untuk mencapai sekurang-kurangnya 60 peratus (pelajar mengambil STEM) menjelang 2020 iaitu hanya tinggal empat tahun lagi," katanya kepada media semasa melancarkan Karnival Kreativiti dan Sains 4U Sarawak 2016 di sini hari ini.

Beliau berkata untuk mengatasi masalah itu, kementerian, Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah mengenal pasti beberapa strategi.

"Misalnya kementerian akan memperkenalkan pendidikan sains seperti di Perancis yang menekankan aspek ingin tahu (IBSE) yang menggalakkan pelajar agar melakukan penyelidikan sendiri untuk memahami sains, daripada mengingat formula, fakta dan angka.

"Perkara ini telah dilaksanakan di empat buah sekolah berprestasi rendah di Lembah Klang yang hasilnya adalah sangat memberangsangkan," kata Madius.

Beliau berkata pelajar berkenaan didapati lebih baik pencapaian mereka berbanding pelajar di sesetengah sekolah berprestasi tinggi yang membuatkan mereka lebih berminat mempelajari Sains.

Katanya kementerian akan turut mengadakan semula makmal sains yang tidak disediakan di sekolah ketika ini.

-- BERNAMA

Penganjuran karnival galak pelajar meminati bidang STI

KUCHING: Penglibatan agensi berkaitan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) menerusi pameran atau karnival kerjaya disifatkan platform terbaik mempromosi bidang berkenaan kepada pelajar sekolah atau institusi pengajian tinggi (IPT).

Pengurus Kanan Komunikasi Korporat dan Pengurusan Pihak Berkepentingan Technology Park Malaysia (TPM), Aniz Adura Abdul Majid berkata, karnival itu penting untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai bidang berkenaan.

"Kita mahu membuang tanggapan negatif pelajar mengenai bidang STI kerana ramai menganggap mata pelajaran itu sukar serta membosankan di sekolah.

"Kita mahu membekalkan maklumat lengkap kepada pelajar mengenai kerjaya terbuka luas kepada mereka yang mengambil jurusan Sains khusus selepas tamat pengajian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Karnival 'Creativity & Science4U' yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Suarah, di sini bermula semalam sehingga Ahad ini.

Tambah Aniz, kesedaran amat penting dalam diri pelajar dan ibu bapa berkaitan peluang banyak disediakan kepada mereka menceburi bidang STI terutama melibatkan kerjaya.

"Seperti di agensi TPM, banyak bidang ditawarkan dalam bidang Sains, ia tidak hanya dalam aspek mengkaji tumbuhan atau pembuatan produk semata-mata, kerana turut melibatkan Sains dalam aspek



RAKAM KENANGAN: Nur Asma' (kiri) merakam kenangan bersama rakan sejawat dalam pameran Karnival 'Creativity & Science4U' yang berlangsung selama tiga hari di Dewan Suarah, di Kuching bermula semalam sehingga Ahad ini.

lain seperti makanan, minuman, ubatan dan sebagainya," tambahnya.

Sementara itu, Penolong Pengurus Komunikasi Korporat InnoBio Ventures Nur Asma' Ahmad Safyan turut menyertai pameran pada karnival itu, berkata, pelbagai pengetahuan khusus mengenai bidang sains akan dikongsi bersama pengunjung sepanjang berlangsungnya karnival itu.

Antaranya, jelasnya, sains melibatkan bioteknologi kerana ia merupakan salah satu asas penting dalam kehidupan manusia ketika ini.

"Kita mahu mempromosi sains bioteknologi kepada pelajar khususnya yang mengambil jurusan ini di pering-

kat sekolah menengah dan IPT.

"Karnival seumpama ini disambut baik memandangkan ia membolehkan agensi seperti kami untuk memberi bayangan kepada pelajar terlibat mengenai kerjaya boleh diceburi mereka," katanya.

Karnival itu merupakan penganjuran sulung bagi 2016 yang dianjurkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Selepas zon Sarawak, karnival tersebut akan dilanjutkan di beberapa buah negeri di Malaysia termasuk negeri Sembilan, Johor, Melaka, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kuala Lumpur, Putrajaya, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah.

Large crowd at Creativity and Science4U carnival

By Eve Sonary Heng
reporters@theborneopost.com

KUCHING: A large crowd packed the civic centre here yesterday as they explored and experienced the 'hands-on', 'minds-on' and 'hearts-on' activities at the 'Creativity and Science4U 2016' carnival.

It was an overwhelming start for the first day of the carnival, which attracted much interest among students and visitors alike.

The carnival, organised by the Ministry of Science, Technology and Innovation from yesterday until March 6 is aimed at inculcating the virtue of innovation and creativity among students, and to introduce science in a fun and approachable manner to them.

Various interactive games, quizzes, hands-on, minds-on and hearts-on which are the ultimate teaching and learning activities were introduced at different exhibition booths to the visitors.

Hands-on enables visitors learn better when fully engaged, while minds-on tells that along with hands-on, visitors will need appropriate, meaningful activities and experiences to challenge the mind.

Hearts-on concludes that people learn the best when they are inspired and involved emotionally.

The space ball (gyroscope) activity is one the exciting activities for those who want to have thrilling experience while they are strapped in their seats and spun in different directions at variable speeds.

"It simulates the training provided to astronauts to prepare them for zero gravity. It is an experience that visitors must try," said Mohd Ridhuan Ismail who is a Science officer from the National Astronaut Agency under



Joanna Voon does the electronic maze game.

It simulates the training provided to astronauts to prepare them for zero gravity. It is an experience that visitors must try.

Mohd Ridhuan Ismail, National Astronaut Agency science officer

the ministry.

At the Nanotechnology booth, young visitors especially students and pupils will understand more about technology. It is the branch of technology that deals with dimensions and tolerances of less than nanometers, especially the manipulation of individual atoms and molecules.

"I enjoy listening to the explanation and taking part in the activities here. I am glad to have a chance to come to this carnival...it really helps me to broaden my knowledge," said 10-year-old Darian Linggi from SK Garland.

He said he loved Science and it was one of his favourite subjects besides English.

His classmate, Luis Garcia, also expressed his passion in Science and English subjects, and that the carnival was a place where he could learn and explore more

knowledge.

"I really enjoyed myself today (yesterday). I was so excited when I first arrived here this morning. There are lots of fun filled activities here," he said.

At the 'Electronic Maze' corner, visitors got to hold the handle and try moving the ring along the 'zig zag' path without touching the rod.

If the ring touches the rod a warning beep will activate.

"This is really challenging. It looks easy but it is hard to complete the challenge," said 12-year-old Joanna Voon from SJK Chung Hua Stampin.

She said she was excited that their school organized the educational trip to the carnival.

"I love to learn new things. This is my first time to this type of carnival," she said, and hoped more of such carnivals would be held here in future.

SAMBUNGAN...
THE BORNEO POST (HOME) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 5 MAC 2016 (SABTU)



Primary school pupils are seen taking part in activities at the carnival.



Children taking part in an activity at one of the exhibition booths.

Mensia mayuh diperansang ngulu Karnival Creativity & Science4U 2016

Dikarang Chris Bishop

KUCHING: Mensia mayuh diperansang ngulu Karnival Creativity & Science4U 2016 ke diadu tiga hari berunggu berengkah kemari (4) nyentuk 6 March tu.

Karnival tu udah mujur dipenyadi Menteri Sains, Teknologi enggau Inovasi (MOSTI) Datuk Seri Panglima Madius Tangau kemari.

Tuju MOSTI ngatur karnival tu ninting taun dikenanempa rayat ngambika ulih berunding chara saintifik, kreatifenggau inovatis seriris enggau Polisi Sains enggau Teknologi Menua (DSTIN).

Serak tu, karnival dikearap ulih ngerembaika agi guna pekara Sains, Teknologi enggau Inovasi (STI) ba genap rayat menua tu kelebihan agi peranak Sarawak ngambi ulih nambah pengaya, penau enggau pengelantang rayat.

gInisiatif tu dikenan meransang sereta matak pengerindu nembia sekula ba bengkah matapelajar Sains, Teknologi, Kejuruteraan enggau Matematik (STEM) seraya ngemeranka penau STI ba tetiap rayat menua tu,"ku Tadius ba jaku bejadi karnival di Dewan Suarah



MANAH: Tadius (kiba) ngemataka sekeda raban nembia sekula ti ngulihka penerang sentang pekara STI rambau karnival di Kuching kemari.

Kuching kemari.

Lebih 25 ejensi MOSTI, ejensi perintah sereta palan pelajar tinggi bela nyendia bansal mandangka penerang enggau inovasi rambau karnival nya.

Karnival Creativity & Science4U 2016 di Sarawak nyadi palan keterubah ungkup taun 2016 endur MOSTI ngadu

karnival.

Sida ke datai bepeluang meda mayuh bengkah pengawa iya nya Space Ball, Space Show, Tech-Tonic Session, DIY Rocket/Robotic, demonstrasyen sains enggau chara gawa Opis Pengemata Gaya Hari.

Karnival ke sama ba taun 2015 suba udah matak lebih

35,000 orang datai ke alai tebal agi sida ngarika raban pengajar, nembia sekula enggau raban apai indai.

Bela datai Sekretari Perintah Nengeri Datuk Amar Tan Sri Mohd Morshidi Abdul Ghani, Menteri Muda Pemansang Industri Datuk Peter Nansian Ngusie enggau orang bukai.

青年创意与科学展



1 ●联邦科学、工艺与革新部部长斯里里玛威弗烈丹敦(左三)在砂州秘书丹斯里慕西迪(左二)及州助理工业发展与社区发展部部长拿督彼得南祥(右二)陪同,为砂州青年创意与科学展览主持开幕礼。

1 ●连续三天在古晋民事中心举行的“砂州青年创意与科学展览”,吸引大批学生前往参观及体验多项新产品。

一 ●联邦科学、工艺与革新部部长斯里里玛威弗烈丹敦(右二)在展览会上,了解一台测试手机辐射的仪器。



四民生问题困扰公平路 温夏妮促巴市议会解决

(古晋4日讯)人民公正党全国妇女组副主席温夏妮律师表示,朋尼路路4哩半公平路社区有四项困扰民众多年的民生问题有待解决。

这包括增设路灯、重铺破损马路、兴建排水沟渠和清理露天垃圾堆。

也是砂人民公正党妇女组法律顾问的温夏妮表示,这些民生问题是当地居民和公众的集体心声,衷心希望巴达旺市议会给予正视并设法解决。

她说,民众希望该议会优先解决其能力之内的问题,至于能力之外的问题,希望该议会积极向砂州政府和联邦政府当局争取更多所需拨款。

温夏妮接获民众的投诉,前往公平路社区进行实地考察和环境巡视,发现除了四哩半中公前方的主干道路路面相对平滑之外,位于该学校后方的许多大小道路和巷

弄的路面,很大部分已经出现程度不一的凹凸不平,尤其某些小路段破损严重。

她举例说,按现场情况视察所得,公平路的公平高原转出煤炭路因小的路面破损严重。

此外,从公平路转向杨国斯路的弯曲小径,路面破烂不堪,而且道路两旁草地和沟渠还散布露天大小垃圾队,破坏路旁景观也很不卫生,市议会曾清理这些垃圾队,可是,乱丢垃圾问题依然出现。

她说,由于该社区干道和许多小路缺乏路灯,因此,每当夜晚时分不仅道路沿途漆黑昏暗,许多居民担心这安全隐患,尤其是歹徒摸黑趁机在路上作案问题。

为此,居民希望巴达旺市议会尽量在策略性地点多设置多几支路灯,以提高该社区道路的亮度。

温夏妮说,从整个社

区地理环境来看,公平路社区、首都花园路社区、煤炭路社区、道岗路社区及其它住宅社区之间是相互连接的,不过,由于沟渠系统不足,因此,每逢下起大雨时沟渠排水不及而泛溢。

她说,根据民众反映,包括公平路社区的某些路段的路面凹凸不平状,以及路基破损,可看出长时间积水以至于多水分土壤结实度不足,进而影响道路坚硬度,何况,普通路面也不足以承受重型车辆碾压。

因此,从综合角度来看,提升各个社区排水系统是很重要的,当然,大家也可理解这需要耗费巨资,不过,希望市议会和其它相关单位例如水利与灌溉局,以互相协同合作方式,优先提升关键地区的排水系统,以便沟渠能以最快速度把雨水导流,缓解道路豪雨成灾风险。



ISO Anti-rasuah Dijangka Dilancar Penghujung Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Pertubuhan Pemiawaian Antarabangsa (ISO) bagi Sistem Pengurusan Anti-Rasuah sedang dibangunkan dan dijangka dilancar penghujung tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Datuk Fadilah Baharin berkata pertubuhan itu akan membantu organisasi menubuh, melaksana, mengekal dan menambah baik program berkaitan antirasuah atau sistem pengurusan.

"Penerimaan piawaian ini boleh berupa sebahagian Ikrar Integriti Korporat (CIP) yang boleh meningkat reputasi pertubuhan atau mengambil langkah menghalang rasuah.

"Oleh itu kesemua 17,000 anggota Dana Sumber Manusia (HRDF) yang mungkin memilih CIP di masa depan boleh menerima pelaksanaan piawaian ini," katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu Ketua Eksekutif HRDF, Datuk C.M. Vignaesvaran berkata kira-kira 17,000 anggotanya akan menandatangani CIP.

-- BERNAMA

Petanda gempa lebih kuat

Kota Kinabalu: Tiga gempa bumi lemah menggegarkan Lahad Datu dalam tempoh tiga minggu termasuk yang terbaharu pagi semalam mungkin petanda berlaku gempa lebih kuat selepas ini.

Pakar Geologi Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Felix Tongkul, berkata beliau bimbang gempa lemah bermagnitud 3.2 skala Richter pada 16 Februari lalu serta 3.5 pada 1 Mac dan jam 8.43 pagi semalam adalah gempa awal (foreshock) sebelum gempa lebih kuat.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai, khususnya di Lahad Datu agar berjaga-jaga dan bersedia menghadapi apa saja kemungkinan.


Pelepasan tenaga kecil

Bagaimanapun, katanya, ada satu lagi kemungkinan boleh dikaitkan dengan ketiga-tiga gempa bumi itu, iaitu ia mungkin pelepasan tenaga tersimpan di dalam bumi secara kecil-kecilan.

Katanya, jika pelepasan tenaga secara kecil-kecilan itu

INFO

Lokasi gempa bumi lemah yang direkodkan di Lahad Datu antara 16 Feb hingga 4 Mac 2016



PETUNJUK

A ▷ Gempa bumi 3.2 skala Richter pada 16 Feb 2016

B ▷ Gempa bumi 3.5 skala Richter pada 1 Mac 2016

C ▷ Gempa bumi 3.5 skala Richter pada 4 Mac 2016

berterusan, ia dapat mengelak kejadian gempa bumi lebih besar.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin, berkata pihaknya turut meramalkan kemungkinan berlaku gempa bumi yang lebih besar di Lahad Datu hingga mencapai magnitud 6.0 skala Richter.

Kejadian luar biasa

"Kejadian tiga gempa bumi dalam masa tiga minggu di Lahad Datu dengan magnitud yang konsisten adalah sesuatu agak luar biasa," katanya.

"Gempa lebih besar hingga magnitud 6.0 boleh berlaku seperti dijelaskan Jabatan Meteorologi selepas gempa bumi bermagnitud 5.9 di Ranau pada tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Lahad Datu, Iman Ali, berkata Jawatankuasa Bencana Alam Daerah sudah bersiap sedia menghadapi kemungkinan gempa bumi kuat di daerah itu pada bila-bila masa.

○ Pakar tak tolak gempa kuat boleh berlaku di Lahad Datu
- RENCANA 35

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 03
TARIKH: 05 MAC 2016 (SABTU)

Wan Junaidi : We can't stop coral reefs from dying

By **NICHOLAS CHENG**
nicholascheng@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: There is no way Malaysia can stop its coral reef population from dying due to the strong El Nino and climate change.

Saying that the natural warming of Malaysia's waters was something that was beyond control, Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tunku Jaafar said the only thing that could be done was for the country to minimise the damage on corals caused by humans.

"I have discussed this with the Marine Park Department (JTLM) and we will work together

with local universities, the Department of Hydrology and the **Ministry of Science, Technology and Innovation** on the problem of El Nino's impact on the corals and coral reefs," he said in a phone interview.

Universiti Malaya coral reef ecologist Affendi Yang Amri had said climate change coupled with a strong El Nino could threaten up to 90% of the country's coral reefs.

The loss of coral reefs could also translate to a significant drop of commercial fish like groupers, snappers, emperors, sweet lips and fusiliers, which rely on reefs for habitat.

Dr Wan Junaidi said there were more pressing issues faced by the ministry in the protec-

tion of Malaysia's underwater ecosystem.

Pollution and ghost fishing, he said, were causing just as much damage to the reefs as El Nino, while the JTLM severely lacked the staff to monitor and maintain the vast 3,600 sq km of coral reefs in our waters.

Ghost fishing is when abandoned nets and fishing gear wraps itself around reefs, breaking or damaging them and snaring aquatic life in the process.

"We send scuba divers to monitor the reefs and to remove any nets that may have been caught in them. But we are very short-handed."

Gazetting marine parks is also an issue for the ministry, because the power to do so

comes under the Agriculture and Agro-Based Industry Ministry.

"We can only gazette marine parks under the Fisheries Act, which is not under us. It's under another ministry.

"We need the law to fully enable us to protect the underwater ecosystem. But we are enforcing someone else's law. I am personally handicapped because of the law," he said.

Wan Junaidi added that the ministry's intention of gazetting the proposed Tun Mustapha Park off Kudat, which has over a million hectares of coral reefs, was being hampered as the Fisheries Act was not under his purview.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 05 MAC 2016 (SABTU)



Gempa Bumi Sederhana Landa Barat Daya Sumatera

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.3 pada skala Richter melanda barat daya Sumatera pada 4.20 pagi tadi, menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

Jabatan itu dalam kenyataan Sabtu berkata pusat gempa adalah di 604 kilometer (km) barat daya Siberut, Indonesia dan 1,110km barat daya Port Dickson, Negeri Sembilan.

Gempa itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Lemah Landa Lahad Datu Pagi Ini

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Satu gempa bumi lemah berukuran 3.5 pada skala Richter melanda Lahad Datu di Sabah pada pukul 8.43 pagi ini, [menurut Jabatan Meteorologi Malaysia \(MetMalaysia\)](#).

MetMalaysia dalam satu kenyataan di sini berkata kawasan yang dilanda gempa bumi itu terletak kira-kira 35 kilometer tenggara Lahad Datu.

Pusat gempa berada di 4.9 darjah utara dan 118.6 darjah timur.

"Gegaran mungkin dirasakan di Lahad Datu," kata kenyataan itu.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Landa Laut Bismarck, Papua New Guinea

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada skala Richter melanda Laut Bismarck, 204 km barat daya Kavieng, Papua New Guinea hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam satu kenyataan menyatakan bahawa gempa bumi itu berlaku pada pukul 5.47 pagi, kira-kira 3,522 km tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, tiada amaran tsunami dikeluarkan.

Orang ramai boleh memantau perkembangan in menerusi laman Facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> dan Twitter <https://twitter.com/malaysianmet>.

-- BERNAMA



Gempa Bumi: Penduduk Lahad Datu Dinasihati Berjaga-jaga

KOTA KINABALU, 4 Mac (Bernama) -- Seorang pakar geologi menasihatkan penduduk di sekitar Lahad Datu agar sentiasa berjaga-jaga menghadapi sebarang kemungkinan gempa bumi yang lebih besar.

Prof Dr Felix Tongkul dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata ini susulan tiga kejadian gempa bumi lemah yang berlaku di perairan Teluk Darvel yang terletak berhampiran bandar Lahad Datu sejak 16 Feb, Selasa lepas dan yang terbaru pagi tadi.

Beliau berkata kejadian itu mungkin menjurus kepada dua kemungkinan iaitu pelepasan tenaga Seismos yang tersimpan secara kecil-kecilan di kawasan berkenaan.

"Jika ini (gempa bumi) berterusan, ia dapat mengelak terjadinya pelepasan tenaga yang lebih besar pada masa hadapan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata kemungkinan kedua adalah gempa berkenaan penanda kejadian gempa bumi yang lebih besar.

"Gegaran kecil ini dirujuk sebagai gempa pendahuluan (foreshock), ini bermaksud gempa pendahuluan boleh berlaku beberapa hari atau beberapa minggu sebelum gempa utama terjadi.

"Apa pun kemungkinan, penduduk di sekitar kawasan Lahad Datu dinasihatkan sentiasa berjaga-jaga," katanya.

Sementara itu, [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) dalam satu kenyataan berkongsi pandangan yang sama dengan Felix.

"Kejadian tiga gempa bumi dalam masa tiga minggu di Lahad Datu dengan magnitud yang konsisten adalah sesuatu yang agak luar biasa untuk gempa bumi di Sabah.

"Kita perlu berwaspada dengan kemungkinan kedua yang diutarakan oleh Felix...iaitu gempa yang lebih besar sehingga 6.0 pada skala Richter boleh berlaku seperti yang kita uar-uakan sebelum ini, selepas kejadian gempa bumi di Ranau," katanya.

Pada 16 Feb lepas, gempa bumi lemah berukuran 3.3 pada skala Richter melanda luar pantai Lahad Datu, manakala gempa berukuran 3.5 pada skala Richter masing-masing berlaku pada Selasa lepas dan pagi tadi di Lahad Datu.